

NAMA:

TINGKATAN:

NO. KAD PENGENALAN :

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

SEJARAH

Kertas 2

Ogos 2019

2½ Jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama, tingkatan dan nombor kad pengenalan anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
4. Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Tulis jawapan bagi Bahagian B dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. Anda boleh menggunakan kertas helaian tambahan jika helaian dalam kertas jawapan tidak mencukupi.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan
8. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
JUMLAH		100	

Kertas soalan ini mengandungi **8 halaman** bercetak

Bahagian A
[40 *markah*]

Jawab semua soalan

1. Tamadun awal manusia terkenal dengan pencapaian dalam sains dan teknologi.

(a) Namakan **dua** orang tokoh dalam tamadun Yunani yang terkenal dalam bidang sains dan teknologi.

(i)

(ii)

[2 *markah*]

(b) Nyatakan ciptaan sains dan teknologi dalam tamadun China.

(i)

(ii)

[2 *markah*]

(c) Jelaskan perkembangan sains dan teknologi dalam tamadun India.

.....
.....
.....
.....

[2 *markah*]

(d) Malaysia merupakan sebuah negara yang berteraskan sains dan teknologi dalam menjana pembangunan negara. Buktikan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 *markah*]

2. Kemunculan Islam telah membawa kesan besar dari aspek kegiatan ekonomi terutamanya penggunaan mata wang dalam urusan perdagangan.

(a) Nyatakan pengaruh Islam terhadap penggunaan mata wang di Tanah Melayu.

- (i)
 - (ii)
- [2 markah]

(b) Mengapakah Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang penting pada abad ke-15?

-
 -
 -
 -
 -
- [4 markah]

(c) Cukai penting di dalam pembangunan sesebuah negara. Berikan komen anda.

-
 -
 -
 -
 -
- [4 markah]

3. Kemunculan persatuan-persatuan seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah memupuk kesedaran kebangsaan dalam kalangan orang-orang Melayu.

(a) Siapakah pemimpin bagi persatuan tersebut.

(i)

(ii)

.....
.....
.....
.....
[2 markah]

(b) Apakah matlamat penubuhan Kesatuan Melayu Muda?

.....
.....
.....
.....
[2 markah]


(c) Jelaskan tindakan yang dilakukan oleh KMM untuk mencapai matlamat di 3(b) di atas.

.....
.....
.....
.....
[2 markah]

(d) Pada pandangan anda mengapakah perjuangan awal persatuan-persatuan lebih menekankan tentang kepentingan sosioekonomi?

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

4. Berikut merupakan lambang - lambang yang menjadi kemegahan seluruh rakyat Malaysia.



(a) Apakah fungsi lambang–lambang diatas?

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Nyatakan maksud simbol pada lambang berikut.

- (i) Bulan sabit :
- (ii) Lima bilah keris :
- (iii) Bintang 14 bucu :
- (iv) Dua ekor harimau :

[4 markah]

(c) Bagaimanakah anda sebagai rakyat Malaysia dapat memupuk perasaan cinta akan negara?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]


Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

5. Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai anugerah daripada Sungai Nil yang membentuk delta yang subur bagi pertanian dan bersesuaian bagi pembinaan petempatan kekal. Pada sekitar 3500 S.M., Tamadun Mesir Purba berkembang menjadi pusat tamadun awal dunia.
- (a) Terangkan sistem pemerintahan tamadun Mesir Purba. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah tamadun Mesir Purba dapat menyumbang kepada peradaban dunia. [8 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah yang perlu dilakukan oleh pemimpin kita untuk mencapai ketamadunan bangsa yang hebat seperti tamadun Mesir Purba? [8 markah]
6. Perjanjian Hudaibiyah telah ditandatangani antara pihak Islam dengan Arab Quraisy di Makkah pada tahun 628 Masihi bersamaan 6 Hijrah.
- (a) Terangkan peristiwa yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah? [4 markah]
- (b) Kandungan Perjanjian Hudaibiyah menguntungkan orang Islam dalam jangka masa yang panjang. Buktikan pernyataan tersebut. [8 markah]
- (c) Jelaskan iktibar yang boleh diambil oleh pemimpin negara kita melalui Perjanjian Hudaibiyah? [8 markah]
7. Masyarakat Melayu telah lama menjalankan sistem ekonomi yang teratur dan mula menggunakan mata wang sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Perkembangan ini telah mendorong kepada penubuhan institusi kewangan dan syarikat insurans yang penting di negara kita.
- (a) Apakah mata wang yang digunakan di Tanah Melayu Sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka? [4 markah]
- (b) Jelaskan peranan institusi kewangan dan insurans dalam perkembangan ekonomi di Tanah Melayu dari tahun 1859 hingga tahun 1948. [8 markah]
- (c) Huraikan kepentingan institusi kewangan pada masa kini. [8 markah]

8. Perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara terbahagi kepada dua tahap.



- (a) Apakah ciri-ciri nasionalisme berikut. [4 markah]
- (i) Tahap pertama
(ii) Tahap kedua
- (b) Gerakan nasionalisme di Asia Tenggara berjaya ditumpaskan oleh penjajah. Jelaskan. [8 markah]
- (c) Jelaskan nilai-nilai murni yang boleh dicontohi daripada perjuangan nasionalisme yang menentang penjajah Barat di Asia Tenggara. [8 markah]

9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memberikan kemerdekaan mutlak kepada Persekutuan Tanah Melayu.



Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu

- (a) Nyatakan isu penting yang menjadi panduan pembentukan perlembagaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. [4 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [8 markah]
- (c) Pada pendapat anda, sebagai warganegara Malaysia bagaimanakah anda dapat mengisi kemerdekaan negara kita. [8 markah]

10. Rajah berikut menunjukkan Dasar-dasar Pembangunan Ekonomi Negara

Dasar
<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Pertanian Negara • Dasar Kependudukan • Dasar Hala Tuju Cara Baru

- (a) Apakah matlamat Dasar Kependudukan dalam rancangan pembangunan Malaysia? [4 markah]
- (b) Jelaskan matlamat dan strategi Dasar Hala Tuju Cara Baru yang diperkenalkan dalam dasar pembangunan ekonomi negara? [8 markah]
- (c) Program pembangunan in-situ diperkenalkan untuk memulihkan kawasan yang berproduktiviti rendah.

Huraikan cadangan anda untuk menarik minat generasi muda untuk membantu meningkatkan produk pertanian negara? [8 markah]

11. Sejak mencapai kemerdekaan, dasar luar Malaysia sentiasa berubah mengikut perubahan masa dan perkembangan dunia.

- (a) Apakah bentuk hubungan luar Malaysia. [4 markah]
- (b) Jelaskan asas penggubalan dasar luar Malaysia sejak mencapai kemerdekaan. [8 markah]
- (c) Huraikan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan hubungan luar masa kini. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

(SHAMSUDDIN BIN FRANS)

Guru Mata Pelajaran Sejarah.
SMK Elopura 2, Sandakan.

Disemak oleh,

(NORAISHAH BINTI HASBULLAH)

Ketua Panitia Sejarah.
SMK Elopura 2, Sandakan.

Disahkan oleh,

(ZALINI BINTI IBRAHIM)

Ketua Bidang Kemanusiaan.
SMK Elopura 2, Sandakan.

